

# AXCEL CINNARIZINE TABLET

Cinnarizine (25mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Cinnarizine Tablet.
2. Bagaimana Axcel Cinnarizine Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Axcel Cinnarizine Tablet.
4. Cara menggunakan Axcel Cinnarizine Tablet.
5. Semasa menggunakan Axcel Cinnarizine Tablet.
6. Kesan-sesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Cinnarizine Tablet.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan pemegang Pendaftaran produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

## Apakah kegunaan Axcel Cinnarizine Tablet

Axcel Cinnarizine Tablet digunakan dalam merawat loya, rasa berputar dan masalah – masalah lain yang berkaitan dengan keseimbangan badan di telinga anda. Ia juga digunakan untuk mencegah dan merawat mabuk perjalanan dan dalam pengurusan gangguan salur darah.

## Bagaimana axcel cinnarizine tablet berfungsi

Cinnarizine merupakan sejenis antihistamin. Ia mempunyai ciri – ciri pengendur otot dan boleh menghalang penyempitan saluran darah.

## Sebelum mengambil Axcel Cinnarizine Tablet

### Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil Axcel Cinnarizine Tablet jika:

- Anda alergi atau hipersensitif pada Cinnarizine atau bahan-bahan lain.
- Anda mengandung.

### Sebelum mula mengambil

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda menghidapi tekanan darah rendah.

### -Jika mengambil ubat- ubat lain

- Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Ia mungkin masih selamat bagi anda untuk mengambil Axcel Cinnarizine Tablet dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

### Cara menggunakan Axcel Cinnarizine Tablet

#### -Berapa banyak harus digunakan

Untuk penggunaan oral sahaja.

Dewasa dan kanak-kanak lebih 12 tahun: 1 tablet, tiga kali sehari.

Kanak-kanak 5 – 12 tahun: Boleh diberi separuh dos dewasa.

Mabuk perjalanan:

Dewasa dan kanak-kanak lebih 12 tahun: 1 tablet 2 jam sebelum perjalanan dan separuh tablet setiap 8 jam sepanjang perjalanan. Kanak-kanak 5 -12 tahun: separuh tablet 2 jam sebelum perjalanan dan  $\frac{1}{4}$  tablet setiap 8 jam sepanjang perjalanan.

#### -Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan bila anda perlu mengambil Axcel Cinnarizine Tablet mengikut keadaan anda.

#### -Berapa lama perlu digunakan

- Ambil ubat ini seperti yang dicatatkan di dalam risalah ini tanpa melebihi sukatian.
- Ikut saranan dan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda.

### -Jika terlupa menggunakan

- Jangan menggandakan sukatian kerana Axcel Cinnarizine Tablet mungkin akan memberikan kesan sampingan yang merbahaya.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Anda dinasihatkan supaya menghubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda mengambil Axcel Cinnarizine Tablet berlebihan.

## Semasa menggunakan Axcel Cinnarizine Tablet

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara yang patut dan tidak patut anda lakukan semasa mengambil ubat ini.
- Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil ubat anda lebih daripada kekerapan yang disarankan dalam satu hari.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elakkan pengambilan minuman beralkohol.
- Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa mengantuk, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

## Kesan- kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Cinnarizine Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- Reaksi alergi kulit.

# AXCEL CINNARIZINE TABLET

Cinnarizine (25mg)

- Keletihan.
- Mengantuk.
- Gangguan pergerakan yang tidak terkawal berlaku atau menjadi lebih teruk pada golongan berumur semasa terapi jangka panjang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Sugar, Sterotex, Povidone K30  
dan Ponceau 4R.

Nombor MAL  
MAL19930647AZ

## Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd  
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,  
Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**  
25/01/2018

**Nombor siri**  
NPRA(R4/1)160118/00011

## Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Cinnarizine Tablet

### Penyimpanan

Jauhkan Axcel Cinnarizine Tablet dari jangkauan kanak-kanak.  
Simpan di bawah 30°C. Pastikan bekas ubat tertutup rapat dan lindungi daripada cahaya.

### Pelupusan

Ubatan-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### Rupa dan warna produk

Axcel Cinnarizine Tablet adalah tablet berwarna merah jambu cair, dwicembung dan bulat, berdiameter 9mm dengan logo KOTRA pada satu bahagian dan satu bahagian lagi bergaris.

### Bahan-bahan kandungan

-Bahan Aktif:  
Cinnarizine

-Bahan Tidak Aktif:  
Lactose, Corn Starch, Corn Strach Pregelatinized, Purified Water, Talcum Powder, Refined